

AGENDA 7

Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Serta
Menentukan Had Maksimum Keterhutangan
Bagi Sesi 2025/2026

MAPT KE-44

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan skop dan had pelaburan serta had maksimum keterhutangan bagi sesi 2025/2026.

LATAR BELAKANG

2. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.40% pada suku pertama 2025 didorong oleh pengembangan permintaan dalam negeri dan pelaburan aset yang stabil.
3. Pengembangan ekonomi domestik dijangka akan berterusan selari dengan peningkatan perbelanjaan pengguna dan pengenalan inisiatif-inisiatif yang dibuat kerajaan membolehkan banyak sektor ekonomi dan perniagaan berkembang. Kestabilan politik juga memainkan peranan penting kepada pertumbuhan ekonomi untuk tempoh terdekat ini dengan unjuran perkembangan ekonomi negara 2025 pada kadar antara 4.50% hingga 5.50%.
4. Dalam mendepani suasana ekonomi dan persekitaran perniagaan yang dijangka mencabar pada tahun 2025 dan 2026, Lembaga telah merangka pelan dan strategi yang boleh dicapai dalam memastikan aktiviti pelaburan dan perniagaan KPF dan syarikat-syarikat di bawah kumpulannya dapat memberi pulangan yang baik dan stabil.
5. Melalui pelan dan strategi yang dirangka tersebut, cadangan skop dan had pelaburan bagi sesi 2025/2026 adalah seperti berikut:

(a) Pelaburan Korporat

- (i) Memperkasa aktiviti perniagaan Syarikat Kumpulan dengan struktur dan pengembangan perniagaan sedia ada dan baharu melalui penyediaan suntikan modal tambahan, pembiayaan projek dan modal pusingan.
- (ii) Aktiviti pelaburan dalam syarikat-syarikat luar melalui pelaburan ekuiti persendirian, usahasama serta penubuhan dana pelaburan, pra-terbitan awam, terokaan modal dalam sektor-sektor yang terpilih dan berpotensi serta patuh syariah.
- (iii) Penubuhan subsidiari baharu bagi tujuan khas dan penglibatan dalam aktiviti ekonomi/perniagaan anjuran FELDA.
- (iv) Pemilikan ekuiti signifikan dalam Syarikat Kumpulan FGV dan/atau syarikat berkepentingan nasional.
- (v) Bagi sesi 2025/2026, diperuntukkan sebanyak RM150.0 juta bagi tujuan tersebut.

(b) Perladangan

- (i) Di samping program meningkatkan hasil bagi ladang sedia ada yang telah dibangunkan dan matang, kawasan-kawasan baru juga dicadang untuk dibangunkan berperingkat (termasuk tanaman lain).
- (ii) Mengembangkan aktiviti membeli, menjual, dan mengalih Buah Tandan Segar (BTS) di rancangan-rancangan FELDA terlibat melalui urus niaga belian terus dan pengoperasian Pusat Mengumpul Sawit (PMS) dengan sistem penjejakan dan angkut lestari.

- (iii) Penggantian aset ladang yang dilupus dengan ladang baharu berskala kecil.
- (iv) Bagi sesi 2025/2026, diperuntukkan sebanyak RM150.0 juta bagi tujuan tersebut.

(c) Hartanah

- (i) Meneruskan eksekusi pelupusan aset hartanah yang bersifat *low-yielding* dan *non-generating*. Hasil tunai yang diperolehi disalurkan kepada aktiviti lain yang boleh mengoptimumkan pendapatan.
- (ii) Fokus kepada usaha meningkatkan kadar penghunian semasa dan tambah nilai bagi aset hartanah semasa yang berpotensi.
- (iii) Penglibatan dalam aktiviti pembangunan hartanah kediaman dan komersial melalui usaha sama dengan syarikat berpengalaman dalam industri.
- (iv) Bagi sesi 2025/2026, sebanyak RM30.0 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

(d) Pasaran Modal

- (i) Mengaktifkan semula aktiviti urus niaga jual beli saham-saham terpilih dan berwajaran tinggi di bursa dengan mengambil kira kecairan tunai semasa, risiko boleh urus, fundamental yang kukuh dan polisi dividen yang baik. Suntikan modal kepada aktiviti ini hasil pelupusan sebahagian aset pelaburan.
- (ii) Langganan saham tawaran awam permulaan dan tawaran persendirian syarikat-syarikat yang berpotensi.
- (iii) Aktiviti pengurusan tunai untuk mengoptimumkan kadar pulangan bagi tunai berlebihan melalui simpanan berjangka, kertas dagangan/sukuk dan unit amanah.
- (iv) Bagi sesi 2025/2026, diperuntukkan sebanyak RM100.0 juta bagi tujuan tersebut.

(e) Perbankan Komersial/Pembiayaan

- (i) Memperkenalkan produk-produk pembiayaan baharu untuk memenuhi keperluan kewangan anggota individu dan koperasi.
- (ii) Pembiayaan modal kerja dan modal pusingan jangka pendek Syarikat Kumpulan untuk projek-projek semasa dan baharu.
- (iii) Kolaborasi dengan syarikat-syarikat penyedia barangan dan khidmat untuk ditawarkan kepada anggota melalui pakej pembiayaan.
- (iv) Usaha sama dengan koperasi-koperasi anggota untuk dilantik sebagai ejen/rakan muafakat di rancangan-rancangan FELDA.
- (v) Menaik taraf sistem pembiayaan selari dengan pasaran semasa serta menggunakan teknologi terkini supaya lebih efisien dan mesra pelanggan.
- (vi) Bagi sesi 2025/2026, diperuntukkan sebanyak RM50.0 juta tambahan untuk aktiviti perbankan komersial/pembiayaan.

(f) Perkhidmatan Ar-Rahnu

- (i) Memperkasa prestasi cawangan semasa dan pembukaan cawangan-cawangan baharu di bandar-bandar terpilih termasuk aktiviti jual beli emas.
- (ii) Mengembangkan aktiviti urus niaga emas melalui program lelongan, *pre-loved items*, dan karnival jualan.
- (iii) Penyediaan tambah nilai perkhidmatan kaunter seperti ejen insurans, perkhidmatan peti simpanan, dan lain-lain.
- (iv) Sebanyak RM50.0 juta diperuntukkan bagi sesi 2025/2026.

6. Sebahagian daripada cadangan pelaburan dan perniagaan tersebut dilaksanakan melalui pembiayaan dari bank/institusi kewangan. Cadangan had maksimum keterhutangan bagi sesi 2025/2026 adalah sebanyak RM350.0 juta seperti berikut:

Bil.	Had Keterhutangan	Jumlah (RM'000)
1	Pembiayaan Berjangka	200,000
2	Pembiayaan Modal Kerja	100,000
3	Tabung Modal Pusingan	50,000
Jumlah		350,000

SYOR

7. Sehubungan dengan itu, Lembaga mencadangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Skop had pelaburan bagi sesi 2025/2026 berjumlah RM530.0 juta seperti berikut:

Bil.	Skop Pelaburan	Jumlah (RM'000)
1	Pelaburan Korporat	150,000
2	Perladangan	150,000
3	Pasaran Modal	100,000
4	Perbankan Komersial/Pembiayaan	50,000
5	Perkhidmatan Ar Rahnu	50,000
6	Hartanah	30,000
Jumlah		530,000

- (b) Had maksimum keterhutangan bagi sesi 2025/2026 berjumlah RM350.0 juta seperti berikut:

Bil.	Had Keterhutangan	Jumlah (RM'000)
1	Pembiayaan Berjangka	200,000
2	Pembiayaan Modal Kerja	100,000
3	Tabung Modal Pusingan	50,000
Jumlah		350,000

- (c) Mandat kepada Lembaga untuk membuat keputusan penggunaan peruntukan skop-skop lain dan mengubah jumlah struktur pelaburan dan struktur keterhutangan dengan syarat tidak melebihi had keseluruhan yang diperuntukkan.

8. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

MAPT KE-44